

SARAWAK BIODIVERSITY CENTRE



BULETIN KOMUNITI UiTM SARAWAK

SINERGI Ilestari



SIDANG REDAKSI



**PROFESSOR MADYA TS. CHM. DR.
MOHAMMAD ISA MOHAMADIN**
Penasihat



DR AZLINA BUJANG
Ketua Editor/Penulis



NUR AFEQAH ABDULLAH
Ketua Sidang Redaksi



**ABANG MOHD FARIZAN
ABANG YAKUP**
Timbalan Ketua Sidang Redaksi

ANGGOTA SIDANG REDAKSI



**DAYANG AZIMAH
ABANG YUSOF**



**KHAIRUNNIQMAH
OTHMAN**



ADI AZRI MOHAMAD



AIZA JOHARI



NUR AZIELA AIDIT



SHARIN SULAIMAN

EDITOR/PENULIS

PEREKA GRAFIK



**KAHIRIL BAHROM
ROSLI**



**MOHAMAD HASWAN
BUJANG**

LAMAN WEB



ISMAWI IBRAHIM

JURUFOTO



**MOHD HAIRRUDDINE
SUIP**

KORPORAT



YAZIZ KASIM

ANGGOTA SIDANG REDAKSI



NORHAYATI RAMIN



COMMELIE EMLIE RISIP



**MAC JULIUS
LINGGING BAKAT**

Diterbitkan Oleh:

Perpustakaan Tun Abdul Razak
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Sarawak



Perutusan Buletin Komuniti Edisi Pertama 2024

PENASIHAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak serta semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buletin Sinergi Komuniti edisi pertama ini. Buletin ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk berkongsi program-program dan perkembangan terkini, tetapi juga sebagai medium penting dalam mengukuhkan jaringan dan hubungan antara kita, termasuk dengan komuniti luar.

Dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks dan global, kita perlu memastikan UiTM Cawangan Sarawak terus mempamerkan kecemerlangan dalam setiap aspek. Kejayaan akademik bukan hanya terletak pada pencapaian akademik semata-mata, tetapi juga pada keberkesanan program-program yang ditawarkan, sokongan yang diberikan kepada pelajar, serta peranan aktif kita dalam komuniti dan hubungan antarabangsa. Ini selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menekankan pendidikan berkualiti, kerja sama global, dan pemerkasaan komuniti setempat.

Kita perlu terus memperkuuh dan memperluas rangkaian antarabangsa kita serta membuka peluang kerjasama dengan institusi terkemuka di seluruh dunia. Melalui perkongsian ilmu dan pengalaman, kita bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti pendidikan tetapi juga memberi impak positif kepada masyarakat secara keseluruhan.

Saya menggalakkan semua warga UiTM Cawangan Sarawak untuk terus berinovasi dan memanfaatkan setiap peluang yang ada. Dengan semangat kerjasama dan komitmen yang tinggi, saya yakin kita akan dapat mengatasi setiap cabaran dan meraih kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, UiTM Cawangan Sarawak memainkan peranan penting dalam memperkasa pendidikan, menyokong pembangunan komuniti, dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Melalui pelbagai inisiatif dan kerjasama, universiti ini tidak hanya melatih generasi masa depan tetapi turut memberi impak positif kepada komuniti tempatan dan negara. Dengan semangat kerjasama dan komitmen yang berterusan, UiTM Cawangan Sarawak akan terus menjadi tulang belakang dalam memajukan pendidikan dan pembangunan masyarakat di Sarawak khususnya.

Akhir kata, marilah kita terus menjadikan UiTM Cawangan Sarawak sebagai institusi yang unggul, dihormati, dan berdaya saing di peringkat global. Semoga kita semua sentiasa diberi kekuatan dan ilham dalam menjalankan tanggungjawab kita dengan penuh dedikasi.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA TS. CHM. DR. MOHAMMAD ISA MOHAMADIN)

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Menjalankan Fungsi Rektor

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK



Kata Aluan **KETUA SIDANG REDAKSI**

Segala puji bagi Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya sidang redaksi Sinergi Lestari: Buletin Komuniti UiTM Sarawak dapat menerbitkan edisi pertama buletin ini untuk tahun 2024. Penerbitan buletin ini adalah sebagai wadah komunikasi dan penyebaran maklumat kepada warga universiti dan komuniti setempat. Sinergi Lestari: Buletin Komuniti UiTM Sarawak akan terus berkomitmen untuk memberikan kandungan yang berkualiti dan relevan kepada para pembaca.

Edisi pertama buletin ini adalah hasil kerja keras Bahagian Perpustakaan (PTAR) dan seluruh warga kerja UiTM Cawangan Sarawak. Kami sebagai pasukan sidang redaksi dengan bangga mempersembahkan artikel-artikel berkaitan dengan program atau aktiviti yang melibatkan komuniti luar secara khususnya dimana sumbangan artikel adalah daripada staf akademik, staf bukan akademik serta para pelajar UiTM Cawangan Sarawak.

Sebagai Ketua Pengarang, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada pihak Pengurusan Eksekutif Kampus di atas sokongan yang diberikan. Tidak lupa juga kepada semua penulis dan para editor yang telah bekerja keras untuk merealisasikan buletin ini agar ianya menjadi kenyataan. Terima kasih juga kepada para pembaca yang memberikan sokongan dan inspirasi kepada kami untuk terus berkarya. Semoga dengan penghasilan buletin ini akan menjadi sumber inspirasi dan pengetahuan yang berharga kepada semua serta bahan rujukan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

NUR AFEQAH ABDULLAH

Timbalan Ketua Pustakawan

Perpustakaan Tun Abdul Razak

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK

Perutusan
KETUA EDITOR



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur kepada Allah SWT, kami mempersembahkan edisi terbaru Buletin Sinergi Lestari dengan tema “Memperkasa Komuniti: Komitmen UiTM Sarawak terhadap Matlamat Pembangunan Mampan melalui Penglibatan Aktif”. Buletin ini dikeluarkan oleh PTAR UiTM Cawangan Sarawak dan bertujuan untuk memaparkan serta mengupas inisiatif dan usaha warga UiTM Cawangan Sarawak dalam mencapai matlamat pembangunan mampan, terutamanya melalui penglibatan aktif dalam komuniti.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan UiTM Cawangan Sarawak di atas sokongan padu dan kepercayaan yang diberikan. Tanpa kerjasama dan dedikasi daripada semua pihak, penerbitan buletin ini tidak mungkin dapat direalisasikan.

Melalui edisi pertama ini, kami berharap buletin ini dapat memberikan manfaat yang signifikan kepada warga kampus serta masyarakat umum. Kami percaya bahawa dengan penglibatan aktif dan komitmen yang berterusan, kita mampu bersama-sama mencapai matlamat dan hala tuju yang diharapkan.

Selamat membaca dan semoga segala informasi yang dipaparkan dapat memberi inspirasi dan manfaat kepada semua.

Sekian, terima kasih

DR AZLINA BUJANG
Ketua Pusat Pengajian
Institute of Continuing Education and Professional Studies (iCEPS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK

PROGRAM KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Azlin binti Abdillah, Dayang Nazari binti Awang Drahman, Zalila Hj Kassim dan Rashinah binti Hossein




Fakulti Perakaunan bersama Idris Ibrahim & Co (IIG), sebuah firma akauntan yang bertauliah di Kuching dan juga Jabatan Hutan Sarawak telah menjayakan program Greening Sarawak pada 11 November 2023. Pelaksanaan program ini merupakan inisiatif korporat IIG bagi memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pokok oleh setiap warga kerja IIG dan pelajar universiti. Program ini mendapat sokongan padu universiti melalui pejabat Timbalan Rektor HEP Prof Madya Dr Saimi Bujang dan Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perakaunan, Dr Susan Hydra Sikayu.

Seramai 76 pelajar tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan bersama empat orang pensyarah fakulti telah menyumbang tenaga bersama 43 orang kakitangan IIG dalam aktiviti penanaman pokok di Pusat Hutan Simpan Sabal Simunjan. Pusat ini merupakan sebuah kawasan hutan simpan dibawah kelolaan Jabatan Hutan Sarawak. Sebanyak 1,200 pokok dari pelbagai spesies bernilai tinggi seperti meranti telur, luis kerangas, geronggan, bintangor batang putih, lun daun tebal dan lun sup telah ditanam semasa program ini. Program ini dilaksanakan bagi menyokong kempen Greening Sarawak anjuran kerajaan negeri Sarawak, selari dengan Kempen Penanaman 100 juta pokok di seluruh negara menjelang tahun 2025.

Penglibatan pelajar fakulti merupakan satu usaha murni universiti ke arah melahirkan generasi yang menghargai kelestarian alam, serta memberi kesedaran kepada warga fakulti universiti mengenai kepentingan kawasan litupan hijau dan hutan bagi memastikan kesejahteraan kualiti hidup masyarakat di sekeliling dan isamping membantu menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara. Tuan Hj Wan Idris Wan Ibrahim, rakankongsi utama ketika ucapan pada program tersebut menyatakan bahawa akauntan dan bakal akauntan perlu memahami bahawa syarikat-syarikat korporat dan usahawan boleh menyumbang kepada kelestarian alam di bawah inisiatif Persekitaran, Sosial dan Tata Kelola (Environment, Social and Governance). Akauntan yang berperanan sebagai penasihat tata kelola dapat memainkan peranan melalui pendedahan kepada projek-projek seperti ini.

PROGRAM JELAJAH MAMPAH PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN

Ranee Atlas



Pada 9 Disember 2023, seramai 20 pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan telah mengadakan satu program jelajah ke Pantai Pugu yang terletak di daerah Lundu, Sarawak. Program yang bertemakan Sustainability Escapade; Eco, Education, Adventure ini dibimbing oleh pensyarah Diploma Pengurusan Pelancongan iaitu Cik Ranee Atlas.

Program jelajah ini bukan hanya sekadar satu pengalaman pembelajaran kepada para pelajar malah bagi memenuhi keperluan sibus bagi kursus Travel Agency and Tour Operations Management (HTT315). Program ini telah dirancang dari awal semester di mana para pelajar diberi pengetahuan secara teori tentang strategi keusahawanan, sistem tempahan dan pengendalian tetamu dalam industri pelancongan. Selain itu, tanggungjawab sosial dan kelestarian alam sekitar antara aspek penting yang diberi penekanan khusus sekaligus mendapat sokongan Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) UiTM Cawangan Sarawak dengan kerjasama Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB).

Permata Pugu Campsite merupakan pilihan lokasi yang ideal, di mana rombongan para pelajar ini telah disambut mesra oleh Encik Mohd Hafizan Tambi dan keluarga yang telah menyediakan paket penginapan dan keperluan untuk pelbagai aktiviti untuk disertai. Acara dimulakan dengan sesi taklimat keselamatan beserta dengan peringatan penting. Di samping itu, pemilik turut berkongsi pengalamannya berkaitan keusahawanan dan pengurusan tarikan pelancongan ini.

Aktiviti diteruskan dengan aktiviti eksplorasi akademik dan acara berkumpulan untuk memperkuuh semangat kerjasama dalam kalangan para peserta. Pada sebelah malam, aktiviti diisi dengan barbeku dan aktiviti santai.

Hari yang kedua bermula dengan senaman ringkas dan sarapan pagi. Seterusnya, ketibaan ChM. Puan Nur Aida binti Nur Azman, wakil dari NREB yang hadir untuk menyampaikan taklimat kelestarian alam sekitar dan penggunaan aplikasi Clean Swell bagi tujuan merekod data aktiviti pembersihan pesisir pantai dan laut. Pelajar kemudian bergerak sepanjang pantai untuk mengutip, merekod, dan melupus sampah di pantai Pugu yang meliputi hampir 8 kilometer panjangnya. Para peserta turut berkongsi maklumat dan maklum balas tentang aktiviti melalui aplikasi Clean Swell.

Sebelum berangkat pulang, rombongan pelajar singgah ke Pekan Lundu untuk merakam kenangan manis di mercu tanda pekan Lundu. Program ini terbukti memberikan impak positif kepada para pelajar dengan mengetengahkan kepentingan dan peranan mereka dalam menjaga kelestarian eko sistem alam sebagai fokus penting industri pelancongan dan pada masa yang sama mendapatkan maklumat untuk kajian dan kerja kursus mereka.

PEMBANGUNAN DESTINASI PELANCONGAN DI KAMPUNG KEPAYANG, SIMUNJAN

Rudy Ujang

Pada 6 Januari 2024, sekumpulan pelajar dan pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah mengadakan aktiviti khidmat masyarakat di Kampung Kepayang, Simunjan, Sarawak. Objektif utama program Impact Digital with Community Tourism (IDCT) 2023 ini adalah mendokumentasikan maklumat bagi memperkenalkan Kampung Kepayang sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan. Kampung Kepayang terkenal dengan tapak perkelahan yang dikenali sebagai Sungai Rian dan ia mempunyai potensi yang tinggi untuk dimajukan sebagai kawasan perkhemahan yang menawarkan aktiviti- aktiviti merentas hutan.

Ketibaan rombongan telah disambut oleh Ketua Kampung (KK) Kampung Kepayang, KK Lingga anak Kumbun, KK Lungkin anak Milan, KK Joseph Nayu anak Ali dan KK Lihang anak Damang serta penduduk kampung. Lawatan dimulakan dengan taklimat mengenai latar belakang Kampung Kepayang dan selepas itu, rombongan bergerak ke Sungai Rian untuk lawatan tapak dan juga aktiviti khidmat masyarakat. Ketika lawatan tapak, banyak gambar dan video telah diambil bagi tujuan pembangunan bahan media promosi bagi memperkenalkan Kampung Kepayang kepada dunia luar. Lawatan diakhiri dengan pembersihan di kawasan sekitar Sungai Rian.

Para pelajar yang terlibat telah mengadakan dua showcase iaitu seminar *Positioning Sarawak as a Key Tourism Hub in ASEAN* anjuran bersama UiTM Cawangan Sarawak dan Air Asia, dan *Gawai Kaamatan Business Forum 2024* anjuran *Dayak Chamber of Commerce and Industry* pada bulan Jun dan Julai 2024. Showcase ini diharap dapat menjadi batu loncatan bagi memperkenalkan Kampung Kepayang sebagai salah satu lokasi pelancongan utama di Sarawak.



PTAR COMMUNITY ENGAGEMENT: Karnival Jom Sihat 3.0 ‘Yes To Health: Together We Care’

Nur Alia Dayana Sapuan



Program Komuniti anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Samarahan 2, Karnival Jom Sihat 3.0 ‘Yes to Health: Together We Care’ telah dilaksanakan selama dua hari pada 20 hingga 21 Mei 2024. Bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Kampus Samarahan 2, satu ceramah yang bertajuk ‘Keburukan Pengambilan Dadah’ telah dilaksanakan dan penceramah jemputan adalah pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Melalui ceramah ini, para pelajar didekahkan mengenai impak negatif dadah dari segi kesihatan, emosi dan mental. Ceramah berkenaan dapat memberi kesedaran kepada para pelajar yang merupakan peserta ceramah tersebut mengenai bahayanya najis dadah, dan pengambilan dadah bukanlah satu cara untuk menghilangkan tekanan kehidupan.

Sebagai tarikan pengunjung, beberapa booth interaktif daripada Unit Kerjaya dan Kaunseling Kampus Samarahan 2, Mental Health Association Sarawak (MHAS), Yakult Malaysia dan pemeriksaan mata secara percuma daripada Ray Optics turut diadakan di sepanjang program ini. Zon ‘Eksplorasi Tabiat Sihat’ yang disediakan oleh Persatuan MASPENA dan Persatuan BASiS juga merupakan tarikan yang menarik di mana salah satu dari aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah ceramah daripada pihak 20dB Therapy Tree yang bertajuk ‘How to Manage Stress and Ways to Prevent Burnout’. Penceramah telah berkongsi maklumat mengenai cara-cara menangani stres di kalangan pelajar dan turut diadakan adalah aktiviti-aktiviti seperti ‘Mindfulness technique’, aktiviti berkumpulan dan saringan tahap tekanan setiap pelajar.

Kehadiran tetamu kehormat, Penasihat Persatuan MASPENA dan BASiS, iaitu Cik Nur Farhani binti Samasu, Cik Izyan Farhana binti Zulkarnain (Pensyarah), Encik Muhammad Nursaiful Idham bin Abdullah (Majlis Tertinggi Yang Dipertua) dan Nistelrooy Daniel Kudues Anak Maraji (Setiausaha Eksekutif) turut hadir bagi lawatan tinjauan program ini. Seramai 111 orang pelajar yang telah hadir untuk hari pertama ini. Pada hari kedua, satu aktiviti kecergasan ‘Pinkathon’ telah dilaksanakan bersama 54 orang peserta. Bagi acara penutupan program Karnival Jom Sihat 3.0 yang bertempat di Dewan Jubli, Kampus Samarahan, Puan Sharifah Shanelle Binti Wan Achmed Razali, selaku Koordinator Program AM110 telah memberi ucapan penutupan.

PROGRAM KEMBARA D'BANKERS: TAUTAN MAHABBAH RUMAH PERYATIM SIBU

Azlan Yusof Punding, Sitti Hawa Sheikh Mohammad dan Norazimah Mejri

Program Kembara D'Bankers: Tautan Mahabbah Rumah PERYATIM Sibu yang bertempat di Komplek Kebajikan Juma'ani Tuanku Haji Bujang Sibu telah berlangsung dengan jayanya pada 8 Jun 2024. Seramai 32 pelajar dan 3 pensyarah UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menyertai program tersebut bersama 61 orang staf dan penghuni rumah PERYATIM. Program ini dianjurkan oleh Persatuan D'Bankers UiTM Mukah, English Language Society UiTM Mukah dan Jawatankuasa Pengurusan PERYATIM Sibu.

Program ini bertujuan untuk memupuk semangat cinta terhadap budaya tolong-menolong sesama masyarakat serta berganding bahu dalam menjaga kebajikan anak-anak yatim. Selain itu, program ini turut menjadi landasan bagi para mahasiswa universiti bergaul bersama komuniti bagi mengukuhkan nilai kepimpinan, komunikasi dan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa dengan masyarakat setempat.

Di antara pengisian program tersebut adalah sesi penghasilan sabun daripada bahan terpakai, latihan dalam kumpulan, aktiviti sukaneka dan sharing session pengalaman belajar di universiti. Turut hadir sama pada program tersebut adalah Penolong Rektor UiTM Mukah, Professor Madya Dr. Abdul Razak Abdul Kadir, Pengurus Cawangan PERYATIM Sibu, Cik Najilanisa Suhaili, Penasihat D'Bankers, Encik Azlan Yusof Punding dan Penasihat ELSUM, Cik Sitti Hawa Sheikh Mohammad.

Dipetik dari ucapan Pengurus Cawangan PERYATIM Sibu: "Program seperti ini amatlah kami galakkan untuk diadakan di komplek kami sebab ia mampu menyuntik semangat kepada anak-anak kami bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka. Beliau turut menekankan akan kepentingan ilmu kepada anak-anak rumah PERYATIM. Tanpa ilmu pegetahuan, kita tidak akan mampu mengubah nasib kehidupan kita".



BRIDGING THE GAP IN COMMUNICATION: MALAYSIAN SIGN LANGUAGE

Fiona Jackson Sumping

Dalam usaha meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan komunikasi yang inklusif, Persatuan BASiS dengan kerjasama Persatuan Orang - Orang Pekak Sarawak dan Sekolah Menengah Sains Kuching (Sainsku) telah mengadakan Program Bridging The Gap in Communication: Malaysian Sign Language yang bertempat di Dewan Sri Gemilang, SM Sains Kuching. Seramai 84 orang pelajar Tingkatan 3 telah menyertai program ini. Program ini turut dihadiri tiga Tetamu Kehormat, Encik Albert Wong (Chairman SSD), Ernest Ting (General Manager SSD) dan Lau Yok Mee (Administrative Assistant Officer of SSD). Program ini bertujuan untuk memupuk sikap pelajar supaya lebih prihatin terhadap golongan kurang upaya agar mereka tidak merasa tersisih oleh masyarakat sekeliling.

Beberapa aktiviti yang dijalankan di sepanjang program ini berlangsung adalah mempelajari beberapa ilmu asas mengenai Bahasa Isyarat Malaysia serta isyarat gerakan yang digunakan untuk berkomunikasi. Selain itu, ceramah pengenalan mengenai Persatuan Orang - Orang Pekak Sarawak (SSD) serta kuiz bahasa isyarat tutut diadakan. Pelbagai telatah yang mencuit hati telah ditunjukkan oleh para peserta semasa sesi kuiz diadakan kerana para peserta diminta untuk meneka pergerakan bahasa isyarat yang ditunjukkan oleh pegawai penganjur bagi mendapatkan hadiah.

Secara keseluruhannya, Program Bridging The Gap In Communication: Malaysian Sign Language berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan kerana para peserta bersama para ahli jawatankuasa turut menimba ilmu bahasa isyarat melalui program ini. Di samping itu, program ini juga membuktikan bahawa di sebalik keterbatasan yang mereka miliki, ia tidak menjadi penghalang bagi mencapai kejayaan.



SENI MEMBUKA DIMENSI BARU BERSAMA KANAK-KANAK AUTISME

Dr Muhamad Hafiz Bin Hassan, Dr Azlina Bujang & Dr Valerie Anak Michael



Sehelai kanvas putih menanti sentuhan, palet dipenuhi warna-warni yang menarik, dan berus-berus siap menggoreskan keindahan. Suasana ini menggambarkan konsep utama program 'ART'UISM: Intuition-Artistic-Autism', iaitu menggunakan seni sebagai medium untuk membantu kanak-kanak autisme menerokai potensi diri mereka.

Pada 17 Februari 2024, bertempat di La Promenade Mall, Kota Samarahan. Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak telah berkolaborasi dengan pihak Kuching Autistic Association untuk menganjurkan program khidmat masyarakat yang memberi inspirasi baru kepada dunia autisme.

Seramai 18 orang kanak-kanak autisme, diiringi ibu bapa dan penjaga mereka telah menyertai program ini. Melalui aktiviti mewarna dan melukis 'doodle', mereka telah diberi dengan peluang untuk menzahirkan kreativiti tanpa batasan. Setiap coretan dan warna yang dicampurkan mewakili ekspresi jiwa kanak-kanak tersebut, membuka dimensi baru dalam kehidupan mereka.

Sesi perkongsian ilmu oleh Ketua Projek, Dr Muhamad Hafiz Bin Hassan telah memberi permindahan ilmu kepada ibu bapa dan penjaga mengenai kepentingan Art Therapy dalam perkembangan kanak-kanak autisme. Mereka kini memahami bahawa seni bukan sekadar hobi, tetapi juga satu kaedah terapeutik yang berkesan bagi membantu kanak-kanak autisme meningkatkan kemahiran psikomotor dan perkembangan minda.

Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kanak-kanak autisme, tetapi juga menyemai kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai keperluan golongan ini. Liputan media yang positif turut menyerlahkan usaha murni universiti dalam menyumbang kepada masyarakat melalui program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR).

Secara keseluruhannya, 'ART'UISM: Intuition-Artistic-Autism Program' telah berjaya menonjolkan kuasa seni dalam membuka dimensi baru bagi kanak-kanak autisme. Langkah awal ini merupakan inspirasi untuk memupuk lebih banyak inisiatif yang membantu golongan istimewa ini meneroka potensi sebenar mereka.



PROGRAM E-LEARN AND EXPLORE: ENHANCING DIGITAL SKILLS AND EXPANDING LIBRARIES (E-LEAD)

Encik Sharin bin Sulaiman dan Pelajar IM1105A

Pada 30 Jun 2024 (Ahad), para pelajar semester lima (5) dari kumpulan IM1105A, Diploma Pengurusan Maklumat (CDIM110), Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Sarawak yang diketuai oleh Sharifah Eckqnour Erymma binti Wan Sapri telah mengadakan program khidmat komuniti yang bertajuk e-Learn and Explore: Enhancing Digital Skills and Expanding Libraries (e-LEAD) di Perpustakaan Desa, Kampung Telaga Air, Padawan, Sarawak. Program ini merupakan sebahagian daripada keperluan kerja kursus silibus kod kursus IMD317 (Outreach Programs in Information Agencies) – subjek yang berteraskan Service - Learning Malaysia University for Society (SULAM) yang diselia oleh Encik Sharin bin Sulaiman, pensyarah kanan Pusat Pengajian Sains Maklumat. Program ini melibatkan kerjasama antara Pusat Pengajian Sains Maklumat, Majlis Pembandaran Padawan (MPP) Sektor Perpustakaan, JKKK Kampung Telaga Air yang diketuai oleh Encik Zaini bin Tanggek dan atendan Perpustakaan Desa Kampung Telaga Air iaitu Cik Nur Syamimi binti Zaini.

Program ini bertujuan untuk memberikan kesedaran terhadap penggunaan sumber perpustakaan, meningkatkan kemahiran dan pemikiran rasional dan adaptabiliti dalam era digital serta membina jaringan komuniti antara pelajar Pusat Pengajian Sains Maklumat dengan penduduk setempat. Antara pengisian program ini ialah bengkel kemahiran digital, derma buku dan pengindahan sudut bacaan kanak – kanak dan kembara maklumat. Program ini melibatkan seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada kanak – kanak dan remaja yang tinggal di Kampung Telaga Air.

Untuk bengkel kemahiran digital, para pelajar menggunakan telefon bimbit masing – masing untuk mengajar para peserta menggunakan aplikasi Canva. Pada sebelah petangnya, kembara maklumat telah dijalankan bersama para peserta. Sebelum majlis penutupan, para peserta melibatkan diri dalam aktiviti permainan lain seperti tangkap pantas, maju mundur dan sebagainya.

Program ini tamat dengan Majlis Penutupan yang dirasmikan oleh Haji Murshidi bin Johari, penghulu Kampung Telaga Air dan turut dihadiri oleh Encik Zaini bin Tanggek, Ketua Kaum Kampung Telaga Air dan para peserta untuk sesi penyampaian hadiah. Program ini telah tamat sekitar pukul 5.00 petang.





JALINAN KASIH BERSAMA ASNAF KAMPUNG PLAIE, KOTA SAMARAHAN: INISIATIF RAMADHAN UiTM CAWANGAN SARAWAK

Dr Azlina Bujang dan Dr Noraziah Wahi

KOTA SAMARAHAN, SARAWAK (4 Mac 2024): Dalam semangat kasih sayang dan menyantuni komuniti bersempena bulan suci Ramadan, Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dan Unit Jaringan Komuniti, Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), UiTM Cawangan Sarawak telah bersama-sama menganjurkan program "Jalinan Kasih Asnaf Kampung Plaie, Kota Samarahan". Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif University Community Responsibility (USR) UiTM yang bertujuan untuk menyantuni dan menghulurkan bantuan kepada golongan asnaf di Kampung Plaie, Kota Samarahan. Program ini dihadiri oleh dua puluh dua (22) orang penerima sumbangan yang menerima bantuan yang bertujuan untuk mengurangkan beban mereka di sepanjang bulan yang mulia ini.

Turut hadir dalam majlis penyerahan sumbangan ini adalah Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa bin Mohamadin, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa yang menjalankan fungsi Rektor Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penyumbang dan peserta komuniti dalam menjayakan usaha mulia ini. "Ramadan adalah masa untuk membantu dan memberi dengan adanya inisiatif seperti program Jalinan Kasih, pihak UITM dapat mengeratkan lagi perpaduan dan menzahirkan kepedulian di kalangan komuniti," jelas beliau lagi. Program ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti pengagihan barang asas dan pakaian serta sedikit sumbangan bantuan kewangan. Dengan terlaksananya program ini jelas menunjukkan bahawa UiTM Cawangan Sarawak komited untuk terus terlibat dalam inisiatif komuniti yang memberi impak dan menghayati nilai-nilai kasih sayang, empati, dan perpaduan.



PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI DI MASJID DARUL KAMPUNG TAMBEY, KOTA SAMARAHAN



Pada 11 Mei 2024 (Sabtu), Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak telah menganjurkan program khidmat komuniti yang melibatkan seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar dari pelbagai pusat pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dengan kerjasama JKKK Kampung Tambey dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Salam, Kampung Tambey, Kota Samarahan dan disokong sepenuhnya oleh Pejabat Daerah Kota Samarahan. Program ini adalah sebahagian daripada keperluan Modul Kepimpinan Profesional (Juara Komuniti) yang bertujuan untuk membina jaringan komuniti antara pelajar UiTM Cawangan Sarawak dan masyarakat desa di sekitar Kota Samarahan sekaligus menjadi wadah kepada para pelajar untuk mempraktikkan kemahiran komunikasi dan menghasilkan kertas kerja program komuniti yang berimpak tinggi.

Program ini bermula dengan lawatan kajian lapangan di mana para pelajar dibahagikan kepada kumpulan kecil dan bergerak ke rumah yang telah dikenalpasti oleh JKKK Kampung Tambey untuk sesi temuduga. Hasil kajian lapangan ini dianalisa untuk menghasilkan kertas kerja program komuniti berimpak tinggi dengan panduan daripada para fasilitator yang terdiri daripada Dr Wan Juliana Emeih Wahed (Pensyarah Kanan Kolej Pengajian Seni Kreatif), Encik Sharin bin Sulaiman (Pensyarah Kanan Pusat Pengajaran Sains Maklumat), Cik Affiana binti Kadri (Pensyarah Akademi Pengajaran Bahasa), Encik Mohamad Salihin bin Saleh (Penolong Pegawai Keselamatan) dan Encik Mohd Noor bin Ismail (Penolong Pengurus Asrama) dan diketuai oleh Encik Mohamad Asmadzy bin Ahmad Basra, Ketua Unit Kepimpinan Pelajar, UiTM Cawangan Sarawak.

Selepas kajian lapangan selesai, para pelajar kemudiannya berehat sebelum memulakan aktiviti pembersihan bilik stor simpanan, tandas, ruang wuduk dan rumah wakaf hakmilik pihak masjid. Program ini tamat sekitar pukul 4.00 petang dengan majlis penutupan dan penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.



PROGRAM KESIHATAN SEPANJANG HAYAT DI KAMPUNG SUNGAI MATA KOTA SAMARAHAN - HGD133 KHIDMAT KOMUNITI

Nurizavaizura Zidiee

Pada 8 Jun 2024, seramai 40 orang pelajar yang mengambil kod kurikulum HGD133 yang diselia oleh Puan Nuriza Vaizura binti Zidiee telah mengadakan Program Kesihatan Sepanjang Hayat di Kampung Sungai Mata, Kota Samarahan. Tujuan program adalah untuk menerapkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran di kampung sekaligus dapat membina ukhwah antara para pelajar UiTM Cawangan Sarawak dan penduduk kampung tersebut.

Program bermula dengan aktiviti senamrobik yang disertai oleh seramai 40 orang kanak-kanak dan 15 orang dewasa. Sekitar jam 9.00 pagi, aktiviti mural, pertandingan mewarna, aktiviti mengutip sampah sekitar kampung, sesi temu bual bersama Syarikat Pawida dan slot ceramah yang disampaikan oleh saudara Danish Nabil, pelajar UiTM Cawangan Sarawak tentang tips menghadapi peperiksaan melalui penggunaan T-Notes dijalankan secara serentak.

AJK pelajar untuk aktiviti membuat mural di bahagian hadapan dinding pintu utama dewan kampung manakala aktiviti mewarna yang melibatkan kanak-kanak telah berlangsung di Pusat Rangkaian Internet kampung tersebut

Aktiviti temu bual bersama Syarikat Pawida turut dijalankan dengan objektif untuk syarikat tersebut berkongsi ilmu perniagaan, pemasaran dan latar belakang sejarah penubuhan Syarikat Pawida. Daripada sesi temubual ini, mereka yang hadir dapat memperoleh ilmu perniagaan, langkah penting untuk memulakan perniagaan dan resipi kejayaan syarikat ini untuk menjadi sumber inspirasi untuk memulakan perniagaan sendiri pada suatu hari kelak.

Pada sebelah petang, aktiviti diteruskan dengan sukaneka yang telah berlangsung di hadapan Dewan Serbaguna Kampung Sungai Mata. Aktiviti sukaneka ini disertai oleh kanak-kanak dan warga belia kampung dengan sambutan penyertaan yang lebih ramai. Kebanyakan penduduk kampung menjalankan kegiatan ekonomi seperti penanaman kelapa sawit, menjual pucuk midin dan ada yang bekerja sendiri. Aktiviti sukaneka turut menjadi wadah bagi penduduk kampung untuk bertanya tentang kelayakan syarat kemasukan untuk melanjutkan pengajian ke UiTM, yang secara tidak langsung memperkenalkan UiTM Cawangan Sarawak kepada penduduk kampung.



Program ini diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah yang dihadiri oleh jemputan tetamu khas iaitu penghulu, ketua kampung serta pemilik Syarikat Pawida untuk memberi penghargaan atas kerjasama dalam menjayakan program ini.

Antara hasil Impak positif program ini adalah para pelajar mempelajari Kemahiran berkomunikasi dan pengurusan program khidmat Komuniti selain dapat mewujudkan jalinan dengan penduduk kampung dan meningkatkan tahap keyakinan peserta untuk berhadapan dengan orang ramai. Diharapkan agar program ini dapat diteruskan kerana terbukti program ini mendapatkan maklum balas yang baik daripada pelbagai pihak di Kampung Sungai Mata, Kota Samarahan



PTAR UiTM CAWANGAN SARAWAK KEKAL RELEVAN; DALAM DAN LUAR UNIVERSITI

Abang Mohd Farizan Abang Yakup

Pada 19 Julai 2024, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak telah berkolaborasi bersama Pusat Sumber Maklumat, Hospital Umum Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak dan Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak dalam menganjurkan program “Merentasi Perbezaan, Menyatukan Hubungan” sempena sambutan Hari Sarawak yang disambut pada 22 Julai 2024.

Antara pengisian program ini adalah penganjuran bengkel Speed Reading, Pameran Hari Sarawak, Mini Quiz, pameran daripada Pustaka Negeri Sarawak dan Arkib Negara Malaysia Negeri Sarawak. Bengkel Speed Reading telah disampaikan oleh instruktor Speed Reading, Pustakawan, Cik Dayang Azimah binti Abang Yusof bersama Encik Dominic bin Inggu, Pembantu Pustakawan Kanan. Bengkel Speed Reading ini disampaikan kepada peserta yang terdiri daripada kakitangan Hospital Umum Sarawak. Teknik bacaan secara pantas ini mengutamakan kepentasan membaca tanpa mengabaikan pemahaman pembaca.

Menurut Puan Nur Afeqah Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan UiTM Cawangan Sarawak; “Peranan perpustakaan pada hari ini adalah lebih mencabar. Perpustakaan bertanggungjawab dalam mempromosikan dan menyokong konsep pembelajaran sepanjang hayat melalui peningkatan kemahiran pencarian maklumat dalam meneroka cabang ilmu pengetahuan. Dengan meningkatkan kemahiran dalam cabang tersebut, ia akan mendorong dan memupuk budaya inovasi yang boleh membantu pembangunan ekonomi, melalui pelbagai kaedah yang dipelajari daripada konsep pembelajaran yang disediakan oleh perpustakaan”.

Pengarah Hospital Umum Sarawak, Dr. Ngian Hie Ung bersama Pustakawan Pusat Sumber Maklumat, Puan Philomena Septimus Amit turut melawat tapak pameran yang disediakan; Pameran UiTM 25 tahun sebagai Universiti, pameran Hari Sarawak dan pameran oleh Pustaka Negeri Sarawak.



"A CLEANER COAST, A CLEANER FUTURE"

Aiza Johari, Adib Sarkawi dan Dr Azlina Bujang

Pada 12 dan 13 Januari 2024, para pelajar yang mengambil kod kursus HPD221 Public Speaking II yang merupakan salah satu kod kurikulum di bawah Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan satu program khidmat komuniti yang bertemakan pemeliharaan alam sekitar yang diberi nama 'A Cleaner Coast, A Better Future' bertempat di Kampung Santubong, Sarawak. Program ini melibatkan kerjasama antara Unit Kokurikulum, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Sarawak (UiTM), P193 Santubong dan PPSEAWA Sarawak Chapter.

Seramai 30 pelajar dari Kampus Samarahan dan Kampus Samarahan 2, UiTM Cawangan Sarawak dan 3 orang kakitangan akademik iaitu Puan Hajah Aiza binti Johari, Dr Abang Fhaeizdhyall bin Abang Madaud, pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa dan Encik Adib bin Sarkawi, pensyarah kanan dari Jabatan Sains Komputer, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik antara mereka yang menjadi tulang belakang untuk menjayakan program dan mencapai objektifnya. Mereka turut berkolaborasi bersama ahli PPSEAWA Sarawak Chapter dan penduduk kampung bagi membantu dalam menjayakan setiap aktiviti yang telah dirancang.

Antara pengisian program ini adalah sesi perkongsian dan pemindahan ilmu iaitu ceramah dan demonstrasi tentang langkah berkesan untuk mengekalkan kebersihan pantai dan laut, penyerahan bakul makanan kepada 15 orang ibu tunggal dan sesi taklimat dan latihan pengucapan awam dalam Bahasa Inggeris yang disertai oleh para pelajar SMK Santubong. Selain itu, turut dilaksanakan ialah aktiviti pembersihan pantai bersama belia kampung, sesi kecergasan fizikal iaitu Aerodance, pertandingan mewarna kanak-kanak dan demonstrasi membuat kuih tradisional kuih jala untuk golongan wanita.

Program ini diakhiri dengan majlis penutupan yang dihadiri oleh wakil Yang Berhormat Dato Seri Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Kamaluddin Bin Mohd Efendie, Setiausaha Politik kepada Menteri, Dato Hajah Munirah binti Hassan, Presiden PPSEAWA Sarawak Chapter, ahli Jawatankuasa penganjur serta Encik Arif bin Abidin, wakil ketua kampung Santubong. Secara keseluruhannya, program ini telah diadakan dengan jayanya di mana pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dengan penglibatan dari pelbagai lapisan masyarakat tidak mengira bangsa, tahap umur dan sebagainya.



PROJEK MINI KEBUN ISTIMEWA BERSAMA ANAK - ANAK ISTIMEWA SEKOLAH KEBAANGSAAN TABUAN HILIR

Qayyim Hafizuddin Qalam Hamidy

Pada 7 Mei 2024, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan projek komuniti yang dinamakan Projek Mini Kebun Istimewa yang dijalankan berteraskan kepada Service-Learning Malaysia – University for Society (SULAM) for Smart Technoogy in Nursery Management yang dimulakan dengan tahap 1 (AT2202A) bertempat di Sekolah Kebangsaan Tabuan Hilir, Kuching.

Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk membolehkan pengetahuan yang dipelajari secara teori di bilik kuliah dapat diperaktikkan melalui program khidmat komuniti yang melibatkan penyertaan seramai 62 orang terdiri daripada anak – anak Istimewa di bawah program khas integrasi (PPKI), barisan guru dan ibubapa di Sekolah Kebangsaan Tabuan Hilir. Projek ini turut berpotensi sebagai satu wadah untuk memperkenalkan dan memupuk minat anak-anak istimewa dengan aktiviti pertanian seawal di bangku sekolah sekaligus menjadi titik permulaan guru sekolah untuk membawa pelajar mereka untuk terlibat secara aktif dengan aktiviti di luar bilik darjah.

Antara pengisian projek ini ialah aktiviti penyediaan tapak, penanaman dan dekorasi untuk menanam sayur-sayuran dan herba tempatan terpilih di dalam perkarangan sekolah tersebut. Antara sayur – sayuran tempatan yang ditanam seperti bayam, sawi, timun, kacang panjang, kacang bendi, terung, limau termasuk herba tempatan seperti daun sup dan bawang.

Projek ini bermula pada pukul 8.00 pagi dan telah dirasmikan oleh Dr Sharifah Mazenah Wan Yusuf, pensyarah kursus yang turut merangkap penasihat projek. Dr Sharifah Mazenah berpendapat bahawa melalui projek ini, ia dapat menyemai minat anak-anak Istimewa ini dalam aktiviti pertanian sekaligus mengenalpasti potensi mereka dalam bidang tersebut. Turut terlibat di dalam fasa pertama ini adalah Profesor Madya Ts. Dr Abdul Rahman Saili, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perladangan dan Agroteknologi dan Puan Zubaidah binti Yusop, pensyarah Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak. Program ini dibahagikan kepada fasa pertama dan kedua di mana fasa kedua diadakan pada bulan Jun 2024 yang lebih memberi fokus kepada penjagaan tanaman.

Secara keseluruhannya, projek ini telah mencapai objektif dan diharapkan ianya dapat diteruskan malah diperluaskan ke sekolah yang lain kerana terbukti dapat memberi impak positif terhadap pengembangan bakat melalui pemindahan pengetahuan dan kepakaran terutama kepada anak – anak Istimewa untuk kemandirian hidup mereka di masa hadapan.



PROGRAM PERMUAFAKATAN PENGURUSAN KEWANGAN ANJURAN FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UiTM CAWANGAN SARAWAK BERSAMA PELAJAR KOLEJ SIDMA, KUCHING

Erimalida binti Yazi, Dr. Fareiny binti Morni & Dr. Azra Tilai



Pada 5 Januari 2024, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan telah mengadakan program pengurusan kewangan yang melibatkan seramai 146 orang pelajar Kolej SIDMA dan 102 orang pelajar UiTM Cawangan Sarawak bertempat di Hotel Riverside Majestic, Kuching. Antara matlamat program adalah untuk memberikan kesedaran kepentingan menguasai kemahiran dan pengetahuan asas tentang pengurusan kewangan kendiri termasuk aspek yang berkaitan dengan perbelanjaan, pendapatan, pelaburan, pengurusan harta dan membolehkan setiap individu mencapai satu titik kestabilan kewangan demi menjamin masa depan yang lebih baik. Selain itu, program ini menjadi simbol permuafakatan antara dua institusi pengajian tinggi di Sarawak.

Program ini diuruskan sepenuhnya oleh barisan mahasiswa daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dan disertai oleh wakil pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan iaitu Dr Fareiny binti Morni, Puan Erimalida binti Yazi dan Dr Azra anak Tilai dan turut dihadiri oleh Tuan Haji Marzuki bin Haji Umi, Pengerusi Kolej SIDMA dan Puan Nandy Marlina binti Saar, Ketua Pegawai Eksekutif Kolej SIDMA.

Program ini boleh dianggap sebagai satu inisiatif UiTM Cawangan Sarawak untuk menyalurkan sumbangan melalui pemindahan pengetahuan yang selari dengan penerapan nilai UiTM seperti Excellence, Synergy, Integrity - Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, Tanggungjawab (ESI-iDART) dalam kalangan mahasiswa dan kakitangan khususnya UiTM Cawangan Sarawak. Besar harapan agar program ini dapat diteruskan dan diperluaskan ke institusi pengajian tinggi lain di Sarawak kerana terbukti memberi impak positif khususnya kepada golongan belia selain sebagai galakan untuk mereka belajar membuat keputusan bijak untuk merancang pengurusan kewangan yang seimbang. Melalui program ini, mahasiswa dapat memperolehi pendedahan awal tentang langkah persediaan untuk mempraktikkan pendekatan strategik untuk kestabilan ekonomi di masa hadapan.

Program dimulakan dengan sesi ceramah yang bertajuk "Money Matters 101-Student Edition-Saving, Investing and Insuring Your Tomorrow" yang menekankan tiga komponen utama iaitu simpanan, pelaburan dan insuran. Program diteruskan dengan sesi interaktif secara berkumpulan di mana para peserta dikehendaki untuk membelanjakan sejumlah wang (dummy money) yang diberikan secara berhemah dan pemenang ditentukan berdasarkan kepada kebijaksanaan mereka membelanjakan wang tersebut. Program ini tamat sekitar pukul 5.00 petang dengan majlis penyampaian saguhati dan hadiah kepada para pemenang.

"Money isn't everything, but it's right up there with oxygen." – Zig Ziglar

SAMARAHAN AMAZING FUN RACE DAN KOMUNITI SAMARAHAN BERSIH DAN SIHAT: SUMBANGAN UiTM CAWANGAN SARAWAK KEPADA KOTA ILMU SAMARAHAN

Dr Azlina Bujang



Pada 29 Jun 2024, UiTM Cawangan Sarawak telah menyertai Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) dalam penganjuran dua program komuniti yang bertempat di Tasik Desa Ilmu, Kota Samarahan. Program yang dilaksanakan adalah Samarahan Amazing Fun Race dan Komuniti Samarahan Bersih dan Sihat (Plogging & 10,000 Langkah).

Samarahan Amazing Fun Race adalah acara utama yang dianjurkan dengan kerjasama UiTM Cawangan Sarawak. Program ini melibatkan penyertaan seramai 70 pelajar dari SMK Muara Tuang dan SMK Kota Samarahan. Acara ini bertujuan untuk menguji kebolehan mental dan fizikal peserta melalui pelbagai cabaran dan aktiviti yang direka untuk memupuk semangat kerjasama, penyelesaian masalah, dan ketahanan fizikal. Sukarelawan dari pelajar-pelajar Komander UiTM Cawangan Sarawak memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dan pengurusan acara ini, memastikan setiap aktiviti berjalan dengan lancar.

Untuk Program Komuniti Samarahan Bersih dan Sihat (Plogging & 10,000 Langkah), ianya adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap menjaga alam sekitar melalui aktiviti plogging, di mana peserta berjalan sambil mengutip sampah sepanjang laluan yang ditetapkan sejauh 5 km. Seramai 179 orang peserta, terdiri daripada penduduk Samarahan dan luar kawasan, turut mengambil bahagian dalam usaha ini. Aktiviti ini bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup aktif serta menyemai semangat tanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar.

UiTM Cawangan Sarawak berharap agar kerjasama dengan MPKS dalam penganjuran acara sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang. Usaha ini bukan sahaja memberikan peluang kepada pelajar untuk membantu agensi di sekitar Kota Samarahan tetapi juga memberikan impak positif kepada komuniti dan alam sekitar.





eISSN:

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
93400 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677200
www.sarawak.uitm.edu.my